

UMS bakal jadi eko-kampus menjelang 2018

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH

UB 8.4.2014 AS

K O T A

K I N A B A L U :

Universiti Malaysia

Sabah (UMS)

bersedia untuk

menjadi eko-

kampus menjelang

tahun 2018.



Pengarah UMS Pusat Pengurusan Eco-Campus Dr Awangku Hassan Bahar Pengiran Bagul (*gambar*) berkata, perkara berkenaan akan menjadikan UMS sebagai eko-kampus pertama di Malaysia.

“Kebanyakan universiti lain melakukan program kemampanan, tetapi untuk menjadi sebuah eko-kampus, sesebuah universiti itu perlu melihat semua aspek seperti kurikulum, dan pengurusan sumber,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Pra Persidangan Kolokium UMS, di sini kelmarin.

Awangku berkata, kolokium berkenaan diadakan bersempena persidangan pertama di Kampus Kelestarian yang berlangsung hari ini.

Katanya, UMS berharap menjadi titik rujukan bagi universiti lain yang bercita-cita untuk menjadi eko-kampus pada masa akan datang.

“Sejak pengisytiharan cita-cita UMS untuk memperoleh status eko-kampus, UMS membuat beberapa perubahan kepada pengurusan sumber.

“Akhir tahun lepas sahaja kita berjaya mengurangkan penggunaan kertas sebanyak 20 peratus, namun penggunaan tahap elektrik universiti jugameningkatsebanyak20peratus,” katanya.

Selain itu katanya, antara usaha lain yang diambil oleh UMS untuk menjadi sebuah eko-kampus adalah dengan memastikan hospitalnya mendapatkanstatusIndeksBangunan Hijau, selepas pembinaannya diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU).

“Jika perkara ini berjaya direalisasikan,UMSakanmempunyai hospitalhijau yang pertama di negara ini. UMS juga kini dalam proses menubuhkan pusat kitar semula sendiri.

“Ia dijangka akan siap pada bulan Jun tahun ini...kami telah menandatangani satu memorandum persefahaman dengan syarikat yang terlibat bagi menjalankan pusat berkenaan,” katanya.

Awangku berkata, sekiranya kemudahanituberjayadirealisasikan, UMSakanmempunyai rumah pusat pengurusan sisanya sendiri.

“Kami akan menguruskan sisa kering di pusat berkenaan dan menukarnya menjadi blok tenaga yang akan dijual kepada peserta industri.

“Kutipan daripada penjualan blok tenaga ini juga akan disalurkan ke bahagian pelaburan dalam pembiayaan hijau untuk membeli peralatan solar dan turbin angin,” katanya.

Beliau menganggarkan pusat berkenaan mampu menghasilkan 5,000 blok tenaga dalam sehari.

Dalam pada itu, seramai 120 peserta termasuk 70 pelajar dari Korea Selatan, Filipina, Bangladesh, Jepun dan Perancis mengambil bahagian dalam persidangan yang berlangsung itu.